

10 OCT 1996

Mahathir-reaksi (rangkuman)

SEMUA SETUJU BAHAYA POLITIK WANG KEPADA NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Pemimpin dan veteran Umno, ketua parti komponen Barisan Nasional, tokoh korporat dan anggota biasa Umno mengakui tentang bahaya politik wang kepada negara seperti yang ditekankan dalam ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung parti di sini hari ini.

Kebimbangan Perdana Menteri terhadap bahaya politik wang ketara sekali apabila tidak dapat menahan perasaan dan menangis ketika hendak menyudahkan ucapannya dengan menyeru anggota perwakilan menolak politik wang.

Mereka bersetuju dengan sikap Perdana Menteri menangani gejala itu secara terbuka dan tegas supaya ia tidak membawa kehancuran kepada parti dan mendatangkan kerugian besar kepada negara jika tidak dibendung.

Tokoh veteran Umno Tan Sri Ghazalie Shafie berkata ajakan Dr Mahathir untuk menghapuskan sepenuhnya gejala politik wang harus disambut baik oleh semua kalangan demi terus memelihara Umno dan negara.

"Kini seluruh negara komited untuk menghapuskannya."

Beliau berkata alangkah baiknya jika anggota parti dapat mencontohi zaman Tun Abdul Razak dahulu yang menyertai Umno semata-mata untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu dan tidak berebut mendapatkan kedudukan dalam parti malah menolak pelantikan untuk sesuatu jawatan.

Bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 Datuk Rais Yatim mencadangkan supaya Akta Pencegahan Rasuah dipinda supaya hasrat Dr Mahathir itu boleh diterjemahkan kepada tindakan berkesan.

Katanya peraturan yang ada sekarang tidak meliputi perbuatan rasuah politik dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) hendaklah diberi kebebasan untuk menyiasat dan mendakwa.

"Saya percaya pembaharuan yang dikehendaki itu boleh dicapai sekiranya instrumen mengawal gejala rasuah dipertingkatkan. Kita kena tunjukkan kepada dunia bahawa kita bersungguh-sungguh, kalau tidak ... ucapan politik tinggal ucapan sahaja," katanya.

Rais yang menyertai semula Umno semalam berkata kehadirannya semula pada perhimpunan agung parti itu setelah lapan tahun amat terasa segar oleh angin perubahan untuk menghapuskan masalah rasuah politik.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata rasuah politik dalam Umno boleh menjadi kanser yang merebak ganas sekiranya tidak dibendung dari sekarang.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata politik wang tidak hanya boleh membunuh sesebuah parti tetapi juga negara. Oleh itu ia harus segera dibanteras.

Katanya Gerakan turut menangani gejala itu menjelang perhimpunan agung parti berkenaan baru-baru ini dan ia akan mengadakan post-mortem untuk memastikan amalan politik dihapuskan.

Katanya pemimpin seharusnya dipilih berdasarkan kebolehannya dan bukan keupayaan untuk mempengaruhi menggunakan wang.

Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata amaran Dr Mahathir kena pada masanya bagi mengelakkan keburukan lebih besar melanda masyarakat dan sistem politik negara.

Menyentuh reformasi budaya Melayu/Bumiputera yang turut ditekankan Perdana Menteri, Taib yang juga Ketua Menteri Sarawak berkata ia merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi menjamin kemakmuran dikecapi secara berterusan.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata setiap orang harus

akur dengan nasihat Dr Mahathir mengenai kesan buruk politik wang, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Katanya nasihat Perdana Menteri bukan hanya ditujukan kepada anggota-anggota Umno tetapi juga seluruh negara.

"Ia tepat pada masanya dan merupakan satu nasihat yang amat serius," katanya.

Dr Ling berkata beliau setuju dengan Dr Mahathir bahawa masalah politik wang, rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang semakin berleluasa tidak harus dibiarkan membunuh Umno atau parti lain.

"Umno bagi kami (MCA) merupakan tukang belakang. Parti yang penting dan sederhana yang boleh mengumpulkan Melayu dan menyatupadukan semua bangsa.

"Kita tidak mahu melihat sesuatu yang buruk berlaku kepada Umno," katanya.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Soh Koon berkata semua parti politik harus mengambil langkah tegas untuk menghalang kebanjiran politik wang.

Katanya ucapan Dr Mahathir mengenai masalah itu merupakan ingatan tegas bukan sahaja kepada Umno tetapi semua anggota komponen Barisan Nasional dan tokoh perniagaan.

Pengerusi Hicom-DRB Tan Sri Yahaya Ahmad berkata perwakilan Umno harus bijaksana dan menerima nasihat Dr Mahathir yang menyedari kewujudan gejala rasuah dan berani menangani masalah itu.

"Sekiranya kita mengambil nasihatnya dengan baik, kita akan memastikan kejayaan negara dan menentukan kesinambungan peranan parti kita pada masa hadapan," kata pemerhati VIP itu.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang baru Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata ucapan presiden menginsaf dan menyedarkan anggota parti pentingnya mereka kembali kepada matlamat asal perjuangan parti.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata anggota Umno tidak sepatutnya memilih pemimpin yang tidak mengamalkan cara yang bersih dan boleh memudaratkan parti dan bangsa Melayu.

Najib berharap setiap anggota parti memberi sumbangan dalam menjamin proses transformasi budaya, berjaya dilaksanakan oleh Umno secara bersih dan berkualiti.

Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Leo Moggie berkata pemimpin parti yang dipilih harus bersih daripada rasuah politik kerana perjuangan parti bukan sahaja untuk politik malah juga untuk membentuk budaya yang boleh menjamin masa depan parti dan negara.

Beliau menyokong larangan berkempen yang diperkenalkan Umno pada pemilihan parti itu kali ini kerana kempen yang keterlaluan boleh merosakkan perhubungan antara anggota dan merosakkan parti.

"Berkempen secara berlebihan akan membawa kerosakan, dengan tidak berkempen tidak bermakna kita tak boleh menilai kemampuan seseorang," katanya.

Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda Datuk Haji Khalid Yunus berharap semua anggota parti terutamanya pemimpin di semua lapisan memahami rasa khuatir Dr Mahathir terhadap bahaya politik wang dan harapan tinggi beliau untuk melihat parti menjadi bersih dari gejala itu.

"Kita perlu sedar betapa pentingnya parti dan kerajaan bersih daripada rasuah. Pemimpin di semua peringkat mesti terdiri daripada mereka yang jujur," katanya.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid menyifatkan rasuah politik yang merebak dalam Umno sekarang sama seperti virus HIV yang menyebabkan penyakit Aids dan perlu diperangi habis-habisan.

Dr Mahathir telah mengenal pasti ancaman yang paling berbahaya dalam tubuh Umno dan jika tidak dibanteras segera akan menghancurkan parti, bangsa, agama dan negara, katanya.

"Ucapan itu adalah antibiotik yang paling kuat dan terbaik diberikan oleh seorang doktor, untuk mengubati penyakit yang menular dalam tubuh Umno," kata Sanusi.

Tokoh veteran Umno Tan Sri Khir Johari berkata teguran Dr Mahathir terhadap politik wang adalah yang paling tegas dan berani pernah dibuat oleh beliau untuk bangsa, agama dan negara.

"Dr Mahathir tidak segan silu lagi mendedahkan apa yang berlaku dalam Umno dan ini menunjukkan betapa seriusnya gejala itu dalam parti," katanya.

Dr Mahathir bukanlah orang yang suka berkata sesuatu tanpa bukti kukuh dan sebelum mendapat maklumat daripada pelbagai pihak, kata Khir, seorang anggota Jawatankuasa Pemilihan Umno.

Tokoh korporat Tan Sri Tajuddin Ramli yang turut hadir pada upacara perasmian, berkata Dr Mahathir merupakan pemimpin yang prihatin terhadap perjuangan meningkatkan martabat orang Melayu, agama dan negara.

Orang Melayu harus sedar perjuangan Umno telah mengangkat mereka ke satu tahap yang belum pernah dirasai sebelum ini, katanya.

Teguran Dr Mahathir tepat pada masanya kerana orang Melayu baru saja menikmati kemewahan dan ada daripada mereka cuba mencari pengaruh dengan cara mudah, katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pergerakan itu akan mengemukakan usul supaya peraturan mengenai larangan berkempen dan politik wang dimasukkan ke dalam perlembagaan parti.

Satu garis panduan pemilihan perlu diadakan bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa khususnya mereka yang memegang jawatan dalam kerajaan dan menghindari perpecahan dalam parti apabila pemilihan parti dibuat, katanya.

"Usul ini penting kerana apa yang berlaku pada pemilihan kali ini melampaui batas walaupun pucuk pimpinan parti berulang kali memberi amaran," katanya.

Mengenai reformasi budaya Melayu menghadapi zaman maklumat, Zahid berkata setiap anggota Umno harus faham peranan parti sebagai pemangkin sosial agar tanggungjawab itu dapat dilaksanakan.

Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata amanat presiden memberi inspirasi baru kepada Wanita untuk melaksanakan tanggungjawab menyediakan generasi menghadapi abad ke-21.

"Amanat Presiden merupakan satu ingatan yang bermakna dalam memastikan kita tidak diperdaya oleh unsur-unsur yang boleh mengkorupkan kita," katanya.

Menyentuh teguran Presiden terhadap pemimpin parti yang "lompat katak" atau mahu cepat naik, Siti Zaharah berkata seseorang pemimpin harus berjuang secara ikhlas dan kejayaan mereka dinilai atas dasar itu.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata MIC tidak berhasrat untuk menghalang kempen dalam pemilihan parti tahun depan tetapi akan mengambil iktibar dan teladan daripada pemilihan Umno ini.

"Kita tidak akan menghentikan kempen tetapi mempunyai garis panduan tertentu kepada setiap calon agar tidak mengadakan kempen yang keterlaluan," katanya.

Setiap calon akan diberi panduan termasuk memaklumkan kepada parti terlebih dahulu apakah bentuk kempen yang akan dijalankan, katanya.

Ketika ditanya sama ada politik wang wujud dalam MIC, beliau berkata: "tidak pernah wujud amalan politik wang dalam MIC kerana kami tidak mempunyai wang."

Memuji ingatan presiden Umno itu, beliau berkata ia harus diambil kira bukan sahaja bagi anggota Umno malah semua parti yang ada di negara ini. --
BERNAMA